

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(II)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

6. Masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Persekutuan Nibong Tebal menuju ke arah Parit Buntar.
- (a) Adakah apa-apa perancangan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk menaik taraf Jalan Persekutuan dari Nibong Tebal ke Parit Buntar?
 - (b) Apakah tindakan oleh pihak JKR untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang dihadapi setiap hari khususnya waktu lepas kerja?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. (a) Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mempunyai perancangan untuk menaik taraf Jalan Persekutuan dari Nibong Tebal ke Parit Buntar melalui Projek Fasa 6 di mana ia akan melibatkan kerja-kerja pelebaran Jambatan Sungai Kerian. Buat masa ini, cadangan projek ini sedang menunggu kelulusan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.
- (b) Bagi penyelesaian jangka masa pendek untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di jalan ini, pelaksanaan hebahan tentang laluan alternatif dari Nibong Tebal ke Parit Buntar menggunakan Jalan Bukit Panchor (P146) dan Jalan Permatang Pasir (P144) telah dibuat melalui sistem aplikasi *mobile*, media

sosial dan penambahan papan tanda tunjuk arah di jalan raya. Tindakan ini dapat menyuraikan aliran lalu lintas bagi laluan Jalan Persekutuan ke Parit Buntar.

Manakala, untuk penyelesaian jangka masa panjang, pihak JKR sedang mengkaji cadangan perubahan aliran trafik di persimpangan di antara FT001 iaitu Jalan Persekutuan (Jalan Butterworth - Sg.Petani (arah utara) dan Jalan Butterworth - Ipoh (arah selatan), dan FT283 iaitu Jalan Transkrian. Cadangan yang dikenalpasti setakat ini adalah untuk membina laluan tanpa lampu isyarat di persimpangan berkenaan dengan menyediakan aliran *left in* dan *left out* sahaja.